



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: www.kwp.gov.my

# KENYATAAN MEDIA

oleh  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

## **PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2015**

Sukacita dimaklumkan bahawa **Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Istiadatnya akan berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 1 Februari 2015.

2. Istiadat penuh pengurniaan darjah kebesaran kali ini akan disempurnakan oleh **Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** yang telah memperkenan untuk menyampaikan pengurniaan ini di Istana Negara sebagai penghargaan kepada mereka yang banyak menabur jasa, memberi sumbangan dan khidmat cemerlang kepada Wilayah Persekutuan.

3. Pada tahun ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengampuni perkenan ke atas **356 penerima** untuk dikurniakan **DKBPWP Tahun 2015**. Daripada jumlah itu seramai **dua (2)** individu akan dikurniakan **Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri Utama**. **15** individu akan dianugerahkan **Darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**. Sementara itu, **71** individu dianugerahkan **Panglima Mahkota Wilayah (PMW)** yang membawa gelaran **Datuk**. Selebihnya, **43** individu dianugerahkan **Johan Mahkota Wilayah (JMW)**, **69** individu menerima pingat **Kesatria Mahkota Wilayah**

**(KMW), 60** individu menerima pingat **Ahli Mahkota Wilayah (AMW)** dan **96** individu menerima pingat **Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)**.

4. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang bermula sejak tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangunkan wilayah ini, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang untuk Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK SERI ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN**

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan

1 Februari 2015

KUALA LUMPUR